

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **YB DATUK TUAN GOBIND SINGH DEO  
[PUCHONG]**

**TARIKH** : **17 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk membantu barisan hadapan (*frontliners*) di negara kita yang membantu untuk memerangi wabak COVID-19. Nyatakan setakat mana rancangan-rancangan ini telah pun dilaksanakan dan keberkesanannya.

**JAWAPAN**

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kerajaan prihatin dan sedar kepentingan barisan hadapan (*frontliner*) dalam mengatasi dan memerangi wabak COVID-19 di negara ini. Terdapat beberapa inisiatif Kerajaan yang telah dan akan dibuat dalam memastikan kebajikan mereka. Sejak Ogos yang lalu, kakitangan barisan hadapan telah menerima elaun khas yang berjumlah **RM222.4 juta membabitkan 694,447 tuntutan** dan sebanyak RM512.5 juta pula telah disalurkan dalam meningkatkan lagi keupayaan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk memerangi COVID-19.

2. Tuntutan Elaun Khas Barisan Hadapan tersebut diberikan kepada doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terbabit secara langsung dalam pengurusan dan pembendungan wabak ini. Selain itu, Kerajaan juga telah memberikan Elaun Khas sebanyak **RM200 sebulan**

kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, bomba, Angkatan Pertahanan Awam serta anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) yang telah bertugas secara langsung dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Elaun Khas COVID-19 sebanyak **RM600 sebulan kepada barisan hadapan KKM** akan diteruskan sehingga ancaman pandemik ini berjaya diatasi. Dalam masa yang sama, **petugas barisan hadapan KKM juga akan menerima pemberian tambahan secara *one-off* sebanyak RM500.**

4. Sementara itu, kerajaan turut memperuntukkan **RM1 bilion bagi membiayai pembelian peralatan perubatan** seperti ventilator, peralatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) serta keperluan makmal untuk saringan COVID-19. Pertambahan peruntukan ini adalah bertujuan agar petugas barisan hadapan dapat bekerja dengan lebih efektif dan efisien melalui penambahbaikan sistem kesihatan dari aspek pembangunan, perolehan peralatan serta perkakasan berkaitan bagi menangani situasi COVID-19.

5. Sejak bulan Februari 2020, pihak Kerajaan telah memperuntukkan lebih RM1.7 billion yang digunakan bagi memerangi penularan wabak COVID-19 di negara ini. Peruntukan tersebut telah disalurkan kepada 14 buah Kementerian dan Kerajaan Negeri dan ini termasuklah:

- a. RM1 billion kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
- b. RM250 juta kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA); dan
- c. RM247 juta kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Sekian, terima kasih.